

25/12/1997

10,050 minta gaji diselaras

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Rabu - Kakitangan lima badan berkanun, yang kini menerima gaji lebih rendah daripada pekerja sektor awam lain, hari ini meminta Kabinet meluluskan segera pelarasan gaji mereka.

Seramai 10,050 kakitangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Tabung Haji, mendakwa mereka tidak menerima pelarasan gaji seperti diperolehi kakitangan awam mengikut Skim Saraan Baru (SSB) pada 1 Januari 1995.

Rayuan mereka disampaikan dalam satu memorandum kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui Majlis Bersama Kesatuan Agensi Yang Diasingkan, diketuai pengerusinya, Mohd Noor Abdullah.

Memorandum itu disampaikan kepada Pembantu Pegawai Tugas Khas Perdana Menteri, Dr Nuriah Moon di Jabatan Perdana Menteri di sini, untuk diserahkan kepada Dr Mahathir yang kini bercuti.

Mohd Noor berkata, pelarasan gaji itu tidak akan membabitkan peruntukan tambahan kerajaan kerana kelima-lima badan berkenaan memperolehi pendapatan sendiri, dan pembayaran pelarasan gaji mampu dikendalikan agensi masing-masing.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat ini sudah bersetuju pelarasan gaji berkenaan tetapi belum diluluskan di peringkat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelarasan Gaji.

"Kita memohon supaya Perdana Menteri mempercepatkan kelulusan sebolehnya sebelum Aidilfitri," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyerahkan memorandum itu, di sini hari ini.

Turut sama menyerahkan memorandum itu ialah Presiden Kesatuan Kakitangan BSN, Borhanuddin Ahmad; Presiden Kesatuan Kakitangan KWSP, Zainal Baharom; dan Presiden Kesatuan Kakitangan Lembaga Tabung Haji, Shamsuddin Ibrahim.

Mohd Noor berkata, kakitangan lima badan berkanun itu tidak menerima pelarasan gaji seperti kakitangan awam mengikut SSB kerana mereka kini menerima gaji mengikut sistem berbeza selaras status agensi sebagai badan berkanun.

Antara perbezaan ketara sistem gaji mereka dengan sistem SSB ialah kakitangan agensi berkenaan tidak menerima imbuhan tetap perumahan sebanyak RM90 serta elaun khidmat awam.

"Ini menyebabkan gaji kami kini jauh ketinggalan daripada gaji kakitangan di bawah SSB," katanya.

Dalam memorandum itu, beliau berkata, kakitangan lima agensi terbabit mengalami kejatuhan moral untuk bekerja kerana berasa kebajikan mereka diabaikan.

Sementara itu, Kesatuan Kakitangan BSN dalam pekeliling khas kepada semua ahli kesatuan dan kakitangannya berkata, pelarasan gaji berkenaan masih dalam pertimbangan kerajaan.

Setiausaha kesatuannya, Ishak Ismail, berkata dua mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelarasan Gaji sudah ditangguhkan dua kali iaitu pada 28 Ogos dan 19 September lalu.

(END)